

25/12/1999

Tiada peraturan khusus punca YB ponteng sidang

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketiadaan peraturan khusus yang mewajibkan ahli Parlimen menghadiri persidangan Dewan Rakyat adalah faktor utama ramai di kalangan mereka ponteng mesyuarat.

Ketika ini hanya Perkara 52 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tindakan tegas terhadap ahli Parlimen yang ponteng. Bagaimanapun, tempoh waktu yang ditetapkan terlalu panjang untuk tindakan tegas berkenaan dikuatkuasakan.

Perkara 52 (1) menyebut: "Jika seseorang ahli mana-mana majlis parlimen tidak hadir pada tiap-tiap persidangan majlis itu selama tempoh enam bulan dengan tiada kebenaran majlis itu maka majlis itu bolehlah mengisytiharkan kerusinya sebagai kosong."

Selain itu, kaedah rekod kehadiran ahli Parlimen memberi ruang kepada mereka mendapatkan bayaran elaun kehadiran mesyuarat tanpa perlu terbabit langsung dalam perbahasan.

Justeru, tidak hairanlah jika ada ahli Parlimen yang sekadar menunjuk muka untuk direkodkan kehadiran mereka sebelum menghilang diri untuk melakukan urusan peribadi.

Purata kehadiran ahli Parlimen pada setiap persidangan ialah sekitar 100 orang dengan mereka yang benar-benar mengikuti perbahasan selalunya kurang daripada separuh jumlah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memberi amaran bahawa beliau tidak akan menyenaraikan semula ahli parlimen Barisan Nasional (BN) sebagai calon pilihan raya jika mereka tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat.

Perdana Menteri kecewa dengan sikap tidak bertanggung jawab Ahli Parlimen terbabit, terutama mereka yang hadir sekadar untuk mendapatkan elaun dan lebih banyak membuang masa di luar dewan.

Sementara itu, jurucakap Parlimen ketika dihubungi mengesahkan, mereka hanya mencatat kehadiran ahli Parlimen untuk tujuan pembayaran elaun kehadiran mesyuarat berjumlah RM150 sehari, selain elaun perbatuan dan tambang pengangkutan.

Beliau berkata, ahli Parlimen juga menerima pelbagai elaun lain serta kemudahan pinjaman seperti dinikmati pegawai kerajaan selain elaun bulanan berjumlah RM4,890.

Mengenai pengecualian kehadiran, beliau berkata ahli Parlimen hanya perlu memohon kepada Yang Dipertua Dewan dengan menyatakan alasan.

"Kebiasaannya permohonan pengecualian itu diterima," katanya sambil menambah, alasan biasa diberikan mereka ialah kesihatan dan perjalanan ke luar negara seperti umrah.

(END)